



International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies
(IJWCPS)
Universiti Sains Malaysia
<https://ejournal.usm.my/ijwcps/>
e-ISSN: 3030-5071
Volume 1. Sept 2024: 120-136

Submission date: 20/07/2024 Accepted date: 03/08/2024 Published date: 01/09/2024

**Kaedah Didik Hibur semasa Praktikum: Satu Tinjauan
dalam Kalangan Guru Pelatih Opsyen Pendidikan Islam
(*Edutainment Teaching Methods during Practicum:
A Survey among Teachers Training
the Islamic Education Option*)**

**Madiah Haji Jamil*, Khairani Zakariya, Muhammad Yusri Zahin
Azhar & Nur Isma Salsabila Ahmad Nizomuddin
IPGM Kampus Tuanku Bainun, Pulau Pinang
*Corresponding author: g-p19302981@moe-dl.edu.my**

Abstrak

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menengahkan kaedah didik hibur sebagai salah satu kaedah pengajaran dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Namun, guru kurang menguasai pedagogi pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dari segi pengetahuan dan kemahiran menjadikan mereka cenderung untuk menggunakan kaedah tradisional semasa mengajar. Hal ini menyebabkan kurangnya tahap penggunaan kaedah didik hibur seperti nyanyian semasa proses PdPc. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap penggunaan berkaitan kaedah didik hibur serta mengukur hubungan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran berkaitan kaedah didik hibur semasa praktikum. Reka bentuk kajian ini ialah penyelidikan tinjauan dengan menggunakan pendekatan kuantitatif. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebarkan melalui *Google Form* kepada 122 pelajar opsyen Pendidikan Islamambilan Jun 2020 di sebuah IPG, hanya 99 orang responden sahaja yang menjawab soal selidik ini. Hasil analisis, dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan berkaitan kaedah didik hibur adalah tinggi ($M=3.70$, $SP=0.351$) manakala tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur pula berada pada tahap sederhana ($M=3.29$, $SP=0.439$) dan tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur turut berada pada tahap

sederhana ($M=2.90$, $SP=0.610$). Dapatan kajian turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran berkaitan kaedah didik hibur ($r=0.418$, $p<0.05$). Kajian ini dapat memberi gambaran jelas tentang kaedah didik hibur semasa praktikum. Peranan guru dalam menjadikan PdPc lebih menyeronokkan akan menghasilkan impak positif terhadap pencapaian akademik murid. Kajian ini mencadangkan agar lebih ramai responden dilibatkan dan instrumen temu bual diaplikasikan dalam kajian lanjutan.

Kata Kunci: didik hibur; Pendidikan Islam; pengetahuan; kemahiran; penggunaan.

Abstract

Primary School Standard Curriculum (KSSR) highlights the Educational Entertainment (Edutainment) method as one of the teaching methods in creating a relaxed and fun learning atmosphere. However, past research show that teachers lack mastery of teaching and facilitating pedagogy (PdPc) in terms of knowledge and skills, making them tend to use traditional methods when teaching. This causes the lack of use of edutainment teaching methods such as singing during the PdPc process. The objective of this study is to examine the level of knowledge, skill level and level of use related to edutainment teaching methods as well as measure the relationship between the level of knowledge and skill level related to edutainment teaching methods during the practicum. The design of this study is survey research using a quantitative approach. The instrument used is a questionnaire using Likert scale four points and distributed by Google Form to 99 Islamic Education student's intake June 2020 at an IPG. As a result of the analysis, the findings of the study show that the level of knowledge related to edutainment education methods is high ($M=3.70$, $SP=0.351$) while the skill level of implementation of edutainment education methods is at a moderate level ($M=3.29$, $SP=0.439$) and the level of use of singing elements that used in edutainment teaching method is also at a moderate level ($M=2.90$, $SP=0.610$). The findings also show that there is a significant relationship between the level of knowledge and the level of skill related to the edutainment teaching method ($r=0.418$, $p<0.05$). This study can give a clear picture of the method of teaching edutainment during practical training. The teacher's role in making PdPc more enjoyable will produce a positive impact on student academic

achievement. This study suggests that more respondents be involved, and interview instruments be applied in further studies.

Keywords: edutainment; Islamic Education; knowledge; skills; use.

Pengenalan

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 menyokong keperluan guru untuk mengenal pasti dan mengetahui pendekatan, kaedah, teknik, amalan dan aktiviti yang dirancang ke arah sekolah berkualiti. Pemilihan kaedah yang sesuai dan memberi impak diperlukan dalam menghasilkan pembelajaran bermakna dan menaikkan suasana ceria di dalam bilik darjah. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) menengahkan kaedah didik hibur sebagai salah satu kaedah pengajaran dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang santai dan menyeronokkan. Kaedah didik hibur ialah satu penerapan kaedah pengajaran guru dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan yang menggunakan pendekatan mendidik sambil berhibur dalam suasana santai dan seronok (Salimiah@Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod, 2022). Kaedah ini terbahagi kepada beberapa elemen utama iaitu permainan, nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi.

Terdapat beberapa masalah yang menyebabkan kajian ini perlu dijalankan. Antaranya, tahap pengetahuan guru terhadap pelaksanaan kaedah didik hibur masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Buktinya, dapatan kajian oleh Tan Ching & Ruzihan Mohammad Yasin (2022) menunjukkan kesediaan pengetahuan guru dalam penerapan kaedah didik hibur secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.65 dan sisihan piawai 0.699. Selain itu, guru kurang mahir menggunakan kaedah didik hibur semasa proses PdPc. Menurut Zanariah Wahab & Zamri Mahamod (2017), kajiannya mendapati bahawa guru sememangnya mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi terhadap didik hibur namun mengalami masalah dalam mengaplikasikannya. Dapatan kajian tersebut menunjukkan tahap pengetahuan guru berkaitan pendekatan didik hibur adalah tinggi dengan skor min 3.95 manakala tahap kemahiran guru melaksanakan pendekatan didik hibur ialah sederhana iaitu dengan skor min 3.40. Di samping itu, penggunaan elemen nyanyian dalam kaedah didik hibur masih kurang meluas. Buktinya, menurut Tan Ching & Ruzihan Mohammad Yasin (2022), dari segi tahap penerapan kaedah didik

hibur, kekerapan penggunaan elemen nyanyian berada pada tahap sederhana iaitu dengan skor min 2.39 dan sisihan piawai 0.757. Kajian tersebut hanya menasaskan guru sebenar di sekolah sedangkan kajian ini memfokuskan kepada guru pelatih yang masih berada dalam tempoh latihan sebelum bergelar guru sebenar. Justeru, kajian ini dijalankan bagi membantu pihak IPG atau pihak berkaitan untuk menyiapkan guru pelatih IPG dengan ilmu-ilmu pedagogi yang secukupnya.

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi beberapa objektif seperti berikut:

1. Mengkaji tahap pengetahuan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG.
2. Mengenal pasti tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG.
3. Mengukur tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG.
4. Mengukur hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran berkaitan dengan didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen di sebuah IPG.

Berdasarkan objektif kajian diharapkan kajian ini dapat menjawab beberapa soalan berikut:

1. Apakah tahap pengetahuan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG?
2. Apakah tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG?
3. Apakah tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG?
4. Adakah terdapat hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen di sebuah IPG?

Hasil dapatan ini juga digunakan bagi menjawab hipotesis kajian yang telah dibina sebelum kajian ini dilaksanakan iaitu:


H01: Tidak terdapat hubungan linear dan signifikan bagi skor min hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen di sebuah IPG.

Kajian ini penting dalam bagi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai kayu ukur atau penanda aras untuk menyediakan guru pelatih dan guru Pendidikan Islam di sekolah dengan ilmu pedagogi yang terkini sesuai dengan keperluan pendidikan masa kini. Dapatan kajian turut membantu dan membuka minda pihak IPG tentang situasi sebenar yang berlaku dalam kalangan guru pelatih berkaitan kaedah pengajaran yang dipelajari secara teori di IPG sama ada betul-betul diaplikasikan semasa praktikum atau sebaliknya. Kajian ini juga diharapkan dapat menambah kesedaran guru pelatih Pendidikan Islam dalam menggunakan kaedah didik hibur dengan berkesan dalam ketujuh-tujuh bidang dalam pengajaran Pendidikan Islam.


Sorotan Literatur

Konsep baru berkaitan kecerdasan berkembang mengikut teori kecerdasan pelbagai (*multiple intelligences*) yang diutarakan oleh Howard Gardner pada tahun 1983 yang menyatakan setiap individu mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan iaitu kecerdasan verbal-linguistik, kecerdasan logik-matematik, kecerdasan visual-ruang, kecerdasan kinestetik, kecerdasan muzik, kecerdasan interpersonal, kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan naturalis (Howard Gardner, 1983). Didik hibur ialah satu kaedah yang mempunyai cara pelaksanaan yang pelbagai dan cara perlaksanaannya adalah berbeza dari satu aspek ke satu aspek. Contohnya pelaksanaan didik hibur secara nyanyian yang menggunakan unsur muzik, bercerita dan puisi yang memerlukan penggunaan bahasa dan pemilihan kata yang betul, lakonan yang melibatkan kecerdasan kinestetik yang baik serta permainan yang melibatkan kecerdasan interpersonal dan intrapersonal dalam proses bermain sama ada secara individu atau berkumpulan. Unsur-unsur ini adalah berkait dengan satu teori yang sesuai iaitu Teori Kecerdasan Pelbagai.

Rajah 1. Kerangka Teori Kecerdasan Fizikal



Rajah 2. Kerangka Konseptual Kajian



Beberapa maklumat penting berkaitan kajian dipaparkan dalam kerangka konseptual. Tajuk kajian ialah kaedah didik hibur semasa praktikum: satu tinjauan dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah Institut Pendidikan Guru (IPG). Selain itu, kajian ini menyasarkan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG yang menjalani praktikum. Seterusnya, kajian ini berpandukan kepada tiga perkara penting iaitu, tahap pengetahuan berkaitan kaedah didik hibur, tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur dan tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur. Tahap pengetahuan, tahap kemahiran dan tahap penggunaan elemen nyanyian yang tinggi akan membawa kepada guru yang berkualiti kerana adanya kepelbagaian kaedah pengajaran. Guru yang berkualiti akan melahirkan murid yang menguasai mata pelajaran Pendidikan Islam dalam ketujuh-tujuh bidang dalam Pendidikan Islam iaitu al-Quran, hadis, jawi, akidah, ibadah, sirah dan adab. Elemen nyanyian merupakan elemen yang berkait rapat dengan salah satu daripada lapan kecerdasan yang dinyatakan dalam Teori Kecerdasan Pelbagai iaitu kecerdasan muzik.

Metodologi Kajian

Kajian ini adalah kajian tinjauan yang menggunakan pendekatan kuantitatif. Pengkaji menggunakan kaedah pensampelan bertujuan bagi mendapatkan data yang merupakan bentuk pensampelan bukan kebarangkalian. Instrumen yang digunakan ialah soal selidik yang disebarikan melalui *Google Form* kepada 99 orang pelajar opsyen Pendidikan Islam ambilan Jun 2020 di sebuah IPG. Soal selidik skala Likert empat mata digunakan untuk mengumpul maklumat. Bagi kesahan instrumen kajian, soal selidik telah diserahkan kepada tiga orang pensyarah pakar untuk disemak. Kajian rintis dilaksanakan terhadap 31 orang guru pelatih Pendidikan Islam IPGM Kampus Darul Aman ambilan Jun 2020. Hasil analisis mendapati nilai *Alpha Cronbach* keseluruhan item dalam kesemua bahagian bagi soal selidik kajian rintis ialah 0.917. Nilai *Alpha Cronbach* yang melebihi 0.6 kebiasaannya menunjukkan aras kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam instrumen (Kline, 1999). Pengkaji mendapatkan statistik deskriptif menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 26.0 bagi mencapai kejituan dapatan kajian dan mengelakkan berlakunya ralat semasa pengiraan dilakukan. Kajian ini turut menggunakan statistik inferens untuk menguji hipotesis dan mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan

dengan tahap kemahiran berkaitan kaedah didik hibur menggunakan ujian korelasi Pearson.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Soalan Kajian 1: Apakah Tahap Pengetahuan Berkaitan Kaedah Didik Hibur semasa Praktikum dalam Kalangan Guru Pelatih Opsyen Pendidikan Islam di Sebuah IPG?

Tahap pengetahuan berkaitan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah tinggi dengan min 3.69 dan sisihan piawai 0.363. Perincian bagi tahap pengetahuan tinggi boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 1. Tahap Pengetahuan Berkaitan Kaedah Didik Hibur Mengikut Item

	Soalan Kajian	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
	Saya tahu bahawa kaedah didik hibur:			
B01	Merupakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang menyeronokkan.	3.85	0.360	Tinggi
B02	Menggabungkan proses pembelajaran dan hiburan.	3.81	0.467	Tinggi
B03	Mengandungi elemen permainan.	3.76	0.431	Tinggi
B04	Mengandungi elemen nyanyian.	3.73	0.466	Tinggi
B05	Mengandungi elemen lakonan.	3.56	0.688	Tinggi
B06	Mengandungi elemen bercerita.	3.63	0.599	Tinggi
B07	Mengandungi elemen puisi.	3.23	0.855	Tinggi
B08	Perlu mengambil kira bilangan murid semasa merancang aktiviti.	3.70	0.483	Tinggi
B09	Perlu mengambil kira tempoh masa semasa merancang aktiviti.	3.75	0.437	Tinggi
B10	Perlu mengambil kira kandungan pelajaran semasa merancang aktiviti.	3.72	0.496	Tinggi
B11	Menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mencuba benda baharu melalui aktiviti yang seronok.	3.77	0.424	Tinggi
B12	Menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mengaplikasikan ilmu melalui aktiviti yang menarik.	3.73	0.448	Tinggi

B13	Merupakan antara kaedah yang boleh diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam.	3.76	0.431	Tinggi
B14	Memerlukan pengendalian guru sebagai fasilitator semasa sesi PdPc.	3.77	0.424	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.69	0.363	Tinggi

Jika diperincikan, item yang mendapat nilai min tertinggi ialah item B01 ‘Saya tahu bahawa kaedah didik hibur merupakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang menyeronokkan.’ dengan skor min 3.85 dan sisihan piawai 0.360. Selain itu, item yang mendapat nilai min terendah pula ialah item B07 ‘Saya tahu bahawa kaedah didik hibur mengandungi elemen puisi.’ dengan skor min 3.23 dan sisihan piawai 0.855.

Hasil analisis menunjukkan tahap pengetahuan berkaitan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam IPG berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan guru pelatih tahu dan diberikan pendedahan yang secukupnya berkaitan kaedah didik hibur. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Owing Ji Seng et. al. (2018) yang mendapati tahap pengetahuan guru berkaitan pendekatan didik hibur juga adalah tinggi. Hal ini menunjukkan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam mempunyai pengetahuan yang luas berkaitan kaedah didik hibur.

Soalan Kajian 2: Apakah Tahap Kemahiran Pelaksanaan Kaedah Didik Hibur semasa Praktikum dalam Kalangan Guru Pelatih Opsyen Pendidikan Islam di Sebuah IPG?

Tahap kemahiran perlaksanaan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah tinggi dengan min 3.29 dan sisihan piawai 0.439. Perincian bagi tahap kemahiran tinggi boleh dilihat berdasarkan jadual di bawah.

Jadual 2. Tahap Kemahiran Perlaksanaan Kaedah Didik Hibur Mengikut Item

	Soalan Kajian	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
	Saya tahu bahawa kaedah didik hiburan:			
B01	Merupakan kaedah pembelajaran dan pemudahcaraan yang menyeronokkan.	3.85	0.360	Tinggi
B02	Menggabungkan proses pembelajaran dan hiburan.	3.81	0.467	Tinggi
B03	Mengandungi elemen permainan.	3.76	0.431	Tinggi
B04	Mengandungi elemen nyanyian.	3.73	0.466	Tinggi
B05	Mengandungi elemen lakonan.	3.56	0.688	Tinggi
B06	Mengandungi elemen bercerita.	3.63	0.599	Tinggi
B07	Mengandungi elemen puisi.	3.23	0.855	Tinggi
B08	Perlu mengambil kira bilangan murid semasa merancang aktiviti.	3.70	0.483	Tinggi
B09	Perlu mengambil kira tempoh masa semasa merancang aktiviti.	3.75	0.437	Tinggi
B10	Perlu mengambil kira kandungan pelajaran semasa merancang aktiviti.	3.72	0.496	Tinggi
B11	Menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mencuba benda baharu melalui aktiviti yang menyeronokkan.	3.77	0.424	Tinggi
B12	Menyediakan peluang kepada murid-murid untuk mengaplikasikan ilmu melalui aktiviti yang menarik.	3.73	0.448	Tinggi
B13	Merupakan antara kaedah yang boleh diterapkan dalam pengajaran Pendidikan Islam.	3.76	0.431	Tinggi
B14	Memerlukan pengendalian guru sebagai fasilitator semasa sesi PdPc.	3.77	0.424	Tinggi
Purata Keseluruhan		3.69	0.363	Tinggi

Jika diperincikan, item yang mendapat nilai min tertinggi ialah item C01 'Saya mahir melaksanakan kaedah didik hiburan dengan cara membimbing murid mengikuti sesi PdPc seperti dirancang menggunakan elemen permainan.' dengan skor min 3.60 dan sisihan piawai 0.533. Selain itu, item yang mendapat nilai min terendah pula ialah item C05 'Saya mahir melaksanakan kaedah didik hiburan dengan cara membimbing murid mengikuti sesi PdPc seperti dirancang menggunakan elemen puisi.' dengan skor min 2.37 dan sisihan piawai 0.975.

Hasil analisis menunjukkan tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam IPG berada pada tahap tinggi. Hal ini menunjukkan guru pelatih mahir mengaplikasikan kaedah didik hibur yang diketahui kelebihanannya dalam proses PdPc di sekolah. Hal ini bercanggah dengan dapatan kajian oleh Zanariah Wahab & Zamri Mahamod (2017) yang mendapati tahap kemahiran guru melaksanakan pendekatan didik hibur adalah sederhana. Hal ini berkemungkinan kerana kajian tersebut dijalankan di sekolah di mana responden iaitu guru sebenar mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza sedangkan kajian ini dijalankan terhadap guru pelatih IPG yang didedahkan dengan ilmu pedagogi dan cara pelaksanaan kaedah pengajaran terkini secara jelas.

Soalan Kajian 3: Apakah Tahap Penggunaan Elemen Nyanyian yang Digunakan dalam Kaedah Didik Hibur semasa Praktikum dalam Kalangan Guru Pelatih Opsyen Pendidikan Islam di Sebuah IPG?


Tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG adalah sederhana dengan min 2.90 dan sisihan piawai 0.610 seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3. Tahap Penggunaan Elemen Nyanyian yang Digunakan dalam Kaedah Didik Hibur


Perkara	Min	Sisihan piawai	Intepretasi
<i>Tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur</i>	2.90	0.610	Sederhana

Perincian bagi tahap penggunaan sederhana boleh dilihat berdasarkan rajah di bawah.

Rajah 3. Tahap Penggunaan Elemen Nyanyian yang Digunakan dalam Kaedah Didik Hibur Mengikut Fasa



Rajah 4. Tahap Penggunaan Elemen Nyanyian yang Digunakan dalam Kaedah Didik Hibur Mengikut Bidang



Jika diperincikan, dapatan menunjukkan guru pelatih kebanyakannya menggunakan elemen nyanyian semasa fasa set induksi dan penutup. Penggunaan elemen nyanyian semasa set induksi mendapat nilai min 3.32 dan sisihan piawai 0.819 manakala penggunaan elemen nyanyian semasa penutup mendapati nilai min 3.32 dan sisihan piawai 0.697 dengan keduanya berada pada tahap tinggi. Selain itu, elemen nyanyian paling banyak digunakan dalam PdPc bidang Ibadah dengan nilai min 3.17 dan sisihan piawai 0.833 dengan interpretasi data tinggi.

Hasil analisis menunjukkan tahap penggunaan elemen nyanyian yang digunakan dalam kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen Pendidikan Islam IPG berada pada tahap sederhana. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Tan Ching & Ruzihan Mohammad Yasin (2022) yang mencatatkan tahap penerapan kaedah didik hibur dari segi kekerapan penggunaan elemen nyanyian juga berada pada tahap sederhana. Berdasarkan analisis, item penggunaan elemen nyanyian semasa set induksi PdPc Pendidikan Islam mendapat nilai min yang tertinggi di antara item-item lain dan berada pada interpretasi data tinggi.

Perkara ini turut disokong dalam dapatan kajian secara temu bual oleh Nurul Aida Aziz & Abdul Halim Masnan (2022) yang menyarankan penggunaan lagu semasa set induksi dan dilakukan berulang kali setiap kali sesi pengajaran untuk menarik minat murid namun perlulah berbeza dari segi penyampaian supaya mereka tidak bosan dengan perkara yang sama.

Soalan Kajian 4: Adakah Terdapat Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Berkaitan Kaedah Didik Hibur Semasa Praktikum dalam Kalangan Guru Pelatih Opsyen di Sebuah IPG?

H01: Tidak terdapat hubungan linear dan signifikan bagi skor min hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen di sebuah IPG.

Terdapat hubungan linear yang positif dan signifikan antara skor min tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan kaedah didik hibur dengan nilai $r=0.448$, $p<0.05$ dengan interpretasi sederhana. Dengan ini, hipotesis null ditolak.

Jadual 4. Hubungan antara Tahap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran dengan Kaedah Didik Hibur

Perkara	r	Sig. P
Hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran dengan kaedah didik hibur semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih opsyen di sebuah IPG	0.448**	0.000

Seorang bakal guru perlulah mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi berkaitan tajuk yang ingin diajar dan kaedah yang hendak diaplikasikan dalam sesi PdPc di dalam kelas. Hal ini kerana tahap pengetahuan dan kemahiran mempengaruhi pelaksanaan sesuatu kaedah pengajaran seperti dapatan kajian oleh Norsaliza Sidek (2022) yang mendapati terdapat korelasi yang signifikan diantara tahap pengetahuan guru dengan pelaksanaan belajar melalui bermain dengan nilai $r=0.849$,

$p < 0.05$. Dapatan kajian yang sama menunjukkan terdapat korelasi yang signifikan diantara tahap kemahiran guru dengan pelaksanaan belajar melalui bermain ($r = 0.828$, $p < 0.05$) yang mana belajar melalui bermain yang merupakan salah satu aktiviti yang mengaplikasikan kaedah didik hibur menggunakan elemen permainan. Maka, penting bagi seorang guru menguasai pedagogi dan kemahiran mengajar dengan sebaiknya. Hal ini kerana pencapaian kualiti pendidikan di sesebuah sekolah bergantung kepada kebolehan yang dimiliki oleh guru dalam menjalankan tugas.

Kesimpulan, Implikasi dan Cadangan

Berdasarkan dapatan kajian, semua soalan kajian berjaya dijawab dengan baik. Bagi konstruk pertama, penyelidik mendapati guru pelatih opsyen Pendidikan Islam di sebuah IPG mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkaitan kaedah didik hibur. Selain itu, tahap kemahiran pelaksanaan kaedah didik hibur juga adalah tinggi walaupun nilai min yang dicatatkan lebih rendah berbanding nilai min bagi tahap pengetahuan. Seterusnya, bagi tahap penggunaan kaedah didik hibur, pengkaji mendapati penggunaan elemen nyanyian berada pada tahap sederhana. Di samping itu, bagi hubungan antara tahap pengetahuan dan tahap kemahiran, pengkaji mendapati terdapat hubungan linear yang positif dan signifikan antara tahap pengetahuan dengan tahap kemahiran berkaitan kaedah didik hibur pada tahap sederhana, maka hipotesis null ditolak.

Kajian ini memberi implikasi kepada beberapa pihak. Antaranya, KPM dapat menyediakan buku panduan khas berkaitan pelaksanaan didik hibur dari fasa perancangan sehingga fasa refleksi supaya dapat dijadikan panduan oleh pendidik untuk menghasilkan PdPc yang berkesan dan menarik. Selain itu, kajian ini dapat menjadi rujukan pihak IPGM dalam menambahbaik sukatan pelajaran bagi guru pelatih IPG agar terus relevan serta sesuai dengan perkembangan pendidikan kini. Di samping itu, kajian ini dapat meningkatkan kesedaran guru pelatih IPG tentang pengamalan kaedah didik hibur semasa PdPc dengan menyertai perkongsian ilmu.

Pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa cadangan penambahbaikan boleh dilakukan dalam kajian lanjutan. Pengkaji mencadangkan agar skop kajian diluaskan ke seluruh Malaysia yang mempunyai ciri yang sama. Selain itu, pengkaji mencadangkan agar metodologi kajian dipelbagaikan

dengan menggunakan pemerhatian dan temu bual dalam proses pengumpulan data dalam kajian lanjutan. Hal ini menjadikan keputusan yang diterima lebih tepat dan terperinci. Akhir sekali, cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan ialah kajian lanjutan dijalankan dengan lebih mendalam iaitu dengan menambah objektif kajian seperti mengenal pasti tahap penggunaan elemen mengikut tahun mengajar untuk melihat penerimaan murid terhadap elemen nyanyian.

Kesimpulannya, kaedah didik hibur merupakan kaedah yang perlu diaplikasikan oleh guru mengikut kesesuaian isi pelajaran. Penerapan kaedah ini perlulah ditekankan kepada guru pelatih supaya mereka mahir dan bijak menggunakan kaedah ini di sekolah nanti. Ia sangat menarik dan sesuai dengan gaya hidup murid-murid kini yang sukakan keseronokan, muzik dan sebagainya. Oleh itu, guru perlulah bijak menggunakan kaedah ini semasa mengajar dalam mempertingkatkan prestasi guru pelatih dalam mata pelajaran Pendidikan Islam khususnya.

Rujukan

- Harun Baharudin, Abdul Halim Mohamad, Ahmad Farhan Jusoh & Mohd Zulkifli Muda (2017). Pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam melalui kaedah nasyid. *The International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society*, 824-838.
- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: Theory of multiple intelligences*. Basic Books Inc.
- Ikhsan Othman & Rohizani Yaakub (2010). Aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pelaksanaan kurikulum. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 21-32.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2013). *Pelan pembangunan pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kline, P. (1999). *The handbook of psychological testing* (2nd ed.). Routledge.
- Mohd Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad (2015). Pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu:

- Tinjauan terhadap sikap dan minat orang asli di Negeri Perak. *Jurnal Pendidikan Dedikasi*, 100-120.
- Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli (2020). Penggunaan didik hibur dalam pendidikan Islam sekolah kebangsaan. *Malaysian Online Journal of Education*, 1-16.
- Mohd Zahar Hj Kusnun & Affero Ismail (2016). Penerapan kaedah didik hibur terhadap motivasi belajar di kalangan murid di sebuah sekolah rendah daerah Kluang. *Seminar Pendidikan Johor 2016*, 1-7.
- Norhasyimah Hamzah, Roziyati Omar, Arihasnida Ariffin, Siti Nur Kamariah Rubani & Tamil Selvan Subramaniam (2018). Penggunaan kaedah nyanyian dalam mata pelajaran reka bentuk dan teknologi. *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*, 1-7.
- Norlela Ahmad & Shamsudin Othman (2020). Penggunaan kaedah didik hibur dalam pengajaran kemahiran membaca guru bahasa Melayu sekolah rendah. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1-11.
- Nur Aliah Izzaty Hisamudin (2019). Penggunaan kaedah didik hibur untuk pembelajaran matematik dalam kalangan murid sekolah rendah Taman Sri Rampai. *Pusat Kebudayaan Universiti Malaya*, 1-87.
- Nurul Aida Aziz & Abdul Halim Masnan (2022). Penggunaan lagu kanak-kanak dalam proses perkembangan kemahiran bahasa Melayu di tadika swasta. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 91-107.
- Owing Ji Seng, A. M. (2018) Tahap pengetahuan dan sikap guru terhadap pendekatan didik hibur dalam pengajaran bahasa Melayu. *International Journal of Education and Training (InjET)*, 1-9.
- Salimiah @ Sazarinah Jamili & Zamri Mahamod (2022). Perbezaan penerapan aktiviti didik hibur secara bersemuka dan dalam talian berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar guru bahasa Melayu sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 40-49.

- Siti Balqis Amanina Masnan & Suziyani Mohamed (2023). Tahap pengetahuan dan kemahiran guru dalam melaksanakan aktiviti muzik dan pergerakan terhadap kanak-kanak prasekolah. *Malaysian Journal of Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1-12.
- Sulaiman Mahzan, Siti Fairuz Nur Sadikan, Mohd Ab Malek Md Shah, Mohd Harun Shahudin, Shamsol Shafie & Mohamad Hafidz Rahmat (2018). Aplikasi didik hibur tajwid al-Quran (Teroka Tajwid): Kajian awal persepsi pengguna. *Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)*, 1-16.
- Tan Ching & Ruhizan Mohammad Yasin (2022). Penerapan kaedah didik hibur dalam pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah luar bandar. *Jurnal Dalam Pendidikan*, 459-474.
- Zanariah Wahab & Zamri Mahamod (2017). Pengetahuan, kemahiran perlaksanaan dan sikap guru bahasa Melayu sekolah rendah terhadap pendekatan didik hibur. In *Prosiding Seminar Serantau ke-VIII* (pp. 19-26). Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Fakultas Keguruan dan Ilmu Pendidikan Universiti Riau.